

GARIS PANDUAN PERMOHONAN TABUNG DANA MOBILITI PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai dasar dan pelaksanaan permohonan Tabung Dana Mobiliti Pelajar Universiti Teknologi MARA.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan ke-215 bertarikh 7 Mei 2019 telah meluluskan cadangan Penetapan Arahan Amanah Tabung Dana Mobiliti Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM).

2.2 Mesyuarat Kewangan dan Pembangunan secara Edaran Pekeliling Bil. 26/2020 bertarikh 25 Ogos 2020 telah meluluskan Cadangan Pindaan Ketetapan Tabung Dana Mobiliti Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM).

2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan ke-226 (Edaran Pekeliling Bil. 81/2021) bertarikh 10 Februari 2022 telah meluluskan Cadangan Pindaan dan Perluasan Skop Tabung Dana Mobiliti Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM).

3.0 OBJEKTIF DANA MOBILITI PELAJAR UiTM

- a) Membantu pelajar UiTM menjalani program pertukaran pelajar, terutamanya dalam kalangan pelajar di bawah kategori B40.
- b) Menyediakan sumber dana baru bagi membantu dana sedia ada bagi program pertukaran pelajar.
- c) Untuk meningkatkan QS WUR *Ranking* UiTM.

4.0 KATEGORI PROGRAM

4.1 Semua program yang memohon peruntukan Dana Mobiliti Pelajar UiTM **mestilah di bawah inisiatif UiTM Global** atau **program usahasama di antara UiTM Global dengan semua PTJ** lain sama ada dari Fakulti /Cawangan/ HEP/ Pusat Akademik/ COE.

4.2 Terdapat empat (4) kategori program yang boleh memohon peruntukan dan pembiayaan dari tabung dana mobiliti pelajar UiTM iaitu:

4.2.1 Program Jangka Panjang (3 bulan dan ke atas)

- Pertukaran Pelajar (Kelas dan Peperiksaan)
- Pertukaran Pelajar (Latihan praktikal/*Internship*)

-Syarat khusus untuk program Pertukaran Pelajar (Latihan Praktikal/*Internship*)

- a. Hanya seorang pelajar sahaja di satu organisasi/ syarikat.
- b. Organisasi/ Syarikat untuk penempatan pelajar menjalani Latihan Praktikal / *Internship* mestilah organisasi/ syarikat antarabangsa yang selari dengan bidang kursus pelajar.
- c. Penempatan Latihan Praktikal / *Internship* di Kedutaan Malaysia di Luar Negara/ Konsulat adalah tidak dibenarkan.

- Pertukaran Pelajar (*Research attachment*)
- Pertukaran Pelajar (Pembantu Pengajaran)

4.2.2 Program Jangka Pendek (5 hari sehingga 3 bulan)

- *Summer Programme*

- Lawatan Akademik

-Perancangan aktiviti perlu selari dan memenuhi keperluan CLO/PLO Kursus pelajar

- Pertandingan
- Projek Khas
- Projek CSR

4.2.3 Virtual Mobility Program

- Kursus-kursus jangka pendek / jangka panjang
- *Virtual Exchange*

4.2.4 Program Berimpak Tinggi

- Program Jangka Pendek sama ada secara fizikal atau *virtual*.
- Dianjurkan oleh universiti terkemuka di dalam senarai kedudukan *QS World University Ranking* atau mana-mana universiti di bawah

kategori *QS World University Ranking by Subject* mengikut tahun semasa permohonan.

- Program Berkredit atau Tidak Berkredit.

Syarat khusus kriteria kelayakan pelajar untuk Program Berimpak Tinggi:

- a. CGPA pelajar yang memohon perlu 3.00 dan ke atas.
- b. Pelajar yang memohon perlu mendapat keputusan Malaysian University English Test (MUET) tahap 4 ke atas.
- c. Pelajar bukan berada di tahun akhir pengajian (dua semester terakhir).
- d. Tidak mengambilkira kategori Pelajar B40 dan Bukan B40.

5.0 JAWATANKUASA PENTADBIRAN AKAUN DANA MOBILITI PELAJAR UiTM

5.1 Jawatankuasa Pentadbiran Dana Mobiliti Pelajar UiTM terdiri daripada:

- Pengerusi** : Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Ahli** : Penolong Naib Canselor (Pengantarabangsaan)
Pengarah Department of International Affairs (DIA)
Pengarah Pembangunan Akademik, Bahagian Hal Ehwal Akademik/ Wakil
Ketua International Student Development (ISD) / Wakil
Ketua Unit Kewangan Zon 23 / Wakil
- Setiausaha** : Ketua Pentadbiran DIA
- Sekretariat** : Pejabat DIA

6.0 SYARAT & KELAYAKAN PEMBIAYAAN DANA TABUNG MOBILITI PELAJAR UiTM

6.1 SYARAT UMUM KELAYAKAN PELAJAR

Pihak PTJ mestilah terlebih dahulu membuat saringan permohonan pelajar dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:

- a. Pelajar boleh berkomunikasi di dalam Bahasa Inggeris dengan baik.
- b. Pelajar mempunyai keterampilan dan imej diri yang baik.
- c. Pelajar dapat nyatakan dengan jelas sumbangan yang boleh diberikan kepada fakulti/kampus selepas mengikuti program ini.
- d. Pelajar perlu mempunyai pengetahuan yang luas berkenaan negara dan universiti yang akan dituju.

6.2 SYARAT KHUSUS KRITERIA KELAYAKAN PELAJAR

Syarat khusus kriteria kelayakan pelajar adalah seperti berikut:

- a. Dana ini **khusus untuk pelajar peringkat Diploma dan Sarjana Muda**.
- b. Permohonan adalah untuk sekali sahaja di sepanjang tempoh pengajian.
- c. Pemohon yang mendapat tajaan lain tidak layak memohon Dana Mobiliti Pelajar.
- d. Bagi program yang melibatkan Pemindahan Kredit/Pengecualian Kredit, CGPA pelajar yang memohon mestilah 3.00.
- e. Sekiranya pelajar **TELAH MENGHADIRI PROGRAM SEBELUM MENDAPAT KELULUSAN**, permohonan **TIDAK LAYAK DIPERTIMBANGKAN**.

7.0 KADAR PEMBIAYAAN

7.1 Penetapan kadar adalah berdasarkan kepada garis panduan yang digunakan seperti berikut:

- i. Program AIMS (dikeluarkan oleh Bahagian Education Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia)
- ii. Pembentangan kertas kerja di luar negara (Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf Induk, Oktober 2005 dan dirujuk oleh Institut Latihan dan Kepimpinan UiTM, ILD)
- iii. Mengambil kira kadar siling tertinggi di antara kedua-dua dokumen rujukan (i) dan (ii).
- iv. Pembiayaan bagi B40 adalah 100% sebagaimana dimohon dan bagi pelajar bukan B40 adalah 50% dari kadar pembiayaan B40.
- v. Kadar syiling pembiayaan adalah kadar rujukan untuk pertimbangan kelulusan. Kadar kelulusan pembiayaan progrDana

Mobilitiasar kepada keputusan mesyuarat dengan mengambilkira prestasi kewangan Dana Mobiliti Pelajar UiTM dari masa ke semasa.

7.2 Kadar pembiayaan adalah secara geran.

7.3 Kadar siling pembiayaan program adalah seperti berikut:

Negara/ Benua	Peruntukan Bagi Setiap Pelajar (RM)	
	Kategori B40	Bukan B40
Eropah	8000	4000
Amerika	7000	3500
Afrika	6000	3000
Arab	5000	2500
Australia/ New Zealand	5000	2500
Asia	5000	2500
Asia Tenggara	3200	1600

7.4 Pelajar dari kategori golongan B40 akan dibiayai sepenuhnya termasuk pembelian tiket kapal terbang (pergi dan balik), permohonan visa, insurans dan kos sara hidup.

7.5 Kadar pembiayaan bagi *Virtual Mobility Program* adalah berdasarkan permohonan yang memenuhi syarat dan diberi pembiayaan sebagaimana yang dimohon selagi ia tidak melebihi had syiling yang ditetapkan.

7.6 Kadar pembiayaan untuk Program Berimpak Tinggi adalah sepenuhnya berdasarkan yuran pendaftaran atau/dan yuran penyertaan sahaja.

8.0 PROSEDUR PERMOHONAN

- 8.1 Penilaian akan dilakukan bagi calon layak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- 8.2 Dokumen lengkap permohonan untuk menghadiri atau menjalankan aktiviti/program mestilah dimajukan kepada Sekretariat Jawatankuasa Pentadbiran Akaun Dana Mobiliti Pelajar UiTM SEKURANG-KURANGYA **ENAM PULUH (60) HARI SEBELUM TARIKH MULA PROGRAM.**
- 8.3 Permohonan tidak akan diproses jika dokumen sokongan yang disertakan adalah tidak lengkap.
- 8.4 Sebarang pindaan tarikh atau lokasi program atau maklumat pelajar selepas kelulusan, pemohon perlu membuat permohonan semula.
- 8.5 Sekiranya program yang telah diluluskan dibatalkan oleh pihak penganjur/pemohon, pemohon perlu mengemukakan surat makluman rasmi kepada Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Dana Mobiliti Pelajar UiTM melalui Ketua PTJ masing-masing.


9.0 PEMATUHAN PERATURAN DAN TATATERTIB

- 9.1 Pelajar atau program yang telah diluluskan sentiasa tertakluk kepada undang-undang, peraturan universiti, pekeliling dan surat arahan yang dikeluarkan oleh pihak universiti dan agensi/rakan strategik dari masa ke semasa.
- 9.2 Permohonan yang telah diluluskan perlu membuat **tuntutan pelarasan dalam tempoh 30 hari selepas program tamat. Unit kewangan Zon 23 tidak akan membuat sebarang proses pembayaran selepas tamat tempoh 30 hari.**

10.0 ALAMAT SEKRETARIAT

Sekretariat
Jawatankuasa Pentadbiran Akaun Dana Mobiliti Pelajar UiTM
UiTM Global
Universiti Teknologi MARA
Kompleks Antarabangsa
40450 Shah Alam
SELANGOR

CARTA ALIR PROSES KERJA DANA MOBILITI PELAJAR UiTM



Lampiran 2

SENARAI SEMAK PERMOHONAN DANA MOBILITI PELAJAR UiTM

Senarai semak ini perlu dikemukakan oleh setiap pelajar yang memohon.

- Permohonan hendaklah dihantar ke Jawatankuasa Penilaian Tabung Dana Mobiliti Pelajar UiTM **60 hari sebelum program bermula.**
- **Permohonan tidak akan diproses jika dokumen sokongan yang disertakan adalah tidak lengkap.**
- Bagi surat kelulusan pelajar ke luar negara (Dokumen Bil. *4) yang masih dalam proses oleh HEP, pelajar perlu terlebih dahulu mengemukakan salinan surat permohonan pelajar ke luar negara (Dokumen Bil. 3) bagi membolehkan permohonan Dana Mobiliti Pelajar diproses.
- **Dokumen Bil. *4 wajib dikemukakan sebelum pembayaran dana dilakukan KECUALI bagi program Virtual Mobility.**

Nama Pelajar	:		No. Pelajar	:	
Kursus	:		Cawangan	:	
Fakulti/Kolej Pengajian	:				
Nama Program	:				
Tempat Program	:		Negara	:	
Tarikh Mula	:		Tarikh Tamat	:	
Jenis Program	:	Berkredit <input type="checkbox"/>	Tidak Berkredit		<input type="checkbox"/>

DOKUMEN SOKONGAN

TARIKH DITERIMA OLEH DIA: _____

BIL	PERKARA	TINDAKAN (t)		CATATAN
		PEMOHON	DIA	
1.	Salinan asal surat permohonan dana dan sokongan dari Dekan Fakulti/ Rektor Kampus Cawangan kepada TNCA melalui PNC Pengantarabangsaan.			
2.	Salinan surat penerimaan daripada rakan universiti (<i>Acceptance Letter</i>).			
3.	Salinan surat permohonan pelajar ke luar negara yang dihantar kepada HEP.			
*4.	Salinan surat kelulusan pelajar ke luar negara yang dikeluarkan oleh HEP. – KECUALI bagi program <i>Virtual Mobility</i>			
5.	Borang <i>Outbound Mobility</i> UiTM.			
6.	Kertas Kerja. (maklumat universiti/ program, implikasi kewangan dan jadual pembelajaran)			

7.	Salinan Surat Keputusan Jawatankuasa Akademik Kolej Pengajian/Fakulti/Negeri untuk Permohonan Program Pertukaran Pelajar (Berkredit)			
8.	Salinan Penyata/ Surat pengesahan pendapatan ibu dan bapa atau penjaga. -mohon kemukakan surat pengesahan bagi ibu/ bapa/ penjaga yang tidak bekerja.			B40: <input type="checkbox"/> Bukan B40: <input type="checkbox"/>
9.	Maklumat sumber dana/tajaan lain.			Dana Kecemerlangan Pendidikan UiTM
				Dana Mobiliti
				Tabung Amanah Pembangunan Akademik (TAPA)
				Dana / Tajaan lain. Sila nyatakan:

Disediakan:	Disemak:
Tandatangan Pemohon	Sekretariat Jawatankuasa Penilaian Tabung Dana Mobiliti Pelajar UiTM
Tarikh:	Tarikh:

**FORMAT KERTAS KERJA BAGI PERMOHONAN
DANA MOBILITI PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

- a) Pendahuluan
- b) Latar Belakang : Program/ Tarikh/ Tempat/ Masa/ Penganjur
- c) Justifikasi Permohonan
- d) Perbelanjaan / Implikasi Kewangan
 - Kos keseluruhan
 - Kos dipohon
- e) Hasil yang dianggarkan
- f) Maklumat Pelajar

NO.	NAMA	NO. PELAJAR	KURSUS	CGPA	SEMESTER SEMASA PROGRAM	MUET	STATUS PENDAPATAN ISI RUMAH (B40/BUKAN B40)
						Band x	

- g) Penutup